

Putrajaya: "Ada pengeluar (penutup mulut dan hidung) mengatakan mereka hanya mampu menghasilkan 100,000 keping dalam tempoh seminggu. Kami bersedia membantu mereka, apa sahaja (jumlah) yang mereka ada kita akan beli. Saya fikir, masalah ini dapat diatasi tidak lama lagi," kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail (**gambar**).

Beliau memaklumkan perkara itu selepas menghadiri Sesi Dialog Bersama Industri Mengenai Impak Covid-19 di kementeriannya di sini, semalam.

Menurutnya, pengeluar penutup hidung dan mulut tempatan bersetuju meningkatkan pengeluaran bagi menampung permintaan tinggi orang ramai susulan wabak Covid-19.

Beliau berkata, perjumpaannya dengan beberapa pengeluar produk berkenaan turut mengenal

Pengeluar topeng tempatan bersetuju tingkatkan pengeluaran

PENUTUP MULUT

Hanya mampu hasil 100,000 keping seminggu

pasti jumlah topeng diperlukan bagi memastikan tidak berlaku kekurangan topeng hidung dan mulut.

Saifuddin memberitahu, pihaknya bersedia membeli semua topeng hidung dan mulut yang dikeluarkan oleh pengeluar tempatan sebaik sahaja mendapat kelulusan Kementerian Kewangan.

"Mereka (pengeluar) sudah menyatakan persetujuan (untuk meningkatkan pengeluaran), saya juga sudah laporkan perkara ini kepada Kabinet serta Timbalan Perdana Menteri (Datuk-Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail) selaku Penggerusi (Agensi Pengurusan Bencana Negara).

"Kita harus yakin dengan keupayaan mereka (pengeluar), se-

bahagian daripada mereka mempunyai stok sedia ada sebanyak 400,000 keping dan ada juga yang mampu menghasilkan sebanyak 200,000 keping setiap hari," katanya.

Tambah Saifuddin, pihaknya mahu mengelakkan pembelian panik oleh masyarakat atas sebab itu kerajaan sedaya upaya untuk menambah jumlah pengeluaran topeng hidung dan mulut.

"Saya mahu menyatakan bahawa bekalan topeng hidung dan mulut itu masih ada, kerajaan berunding dengan pengeluar untuk pastikan mereka tambah jumlah penge- luaran.

"Kita mahu elakkan masyarakat membuat

pembelian panik iaitu membeli satu-satu produk dalam jumlah yang banyak," kata- nya.

Jumaat lalu, media melaporkan Saifuddin memberi jaminan kerajaan akan membeli lebihan

topeng mu- ka dan hi- dung bagi mem- nuhi ke- perluan mence- gah Co- vid-19.

